

# KUASA PENTADBIR TANAH

## PENTADBIR TANAH :

“Seorang Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah Seksyen 12 KTN, termasuk seorang Penolong Pentadbir Tanah yang dilantik di bawahnya; dan berhubung dengan mana-mana tanah, rujukan kepada Pentadbir Tanah hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Pentadbir Tanah, atau mana-mana Penolong Pentadbir Tanah, yang mempunyai bidang kuasa dalam daerah atau daerah kecil di mana tanah itu terletak;”

Seksyen 5 KTN

**Tahukah anda?**

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melantik Pentadbir Tanah melalui peruntukan seksyen 12 KTN:

Satu perjawatan bagi setiap daerah dan dibantu oleh beberapa Penolong Pentadbir Tanah.

Menguruskan hal ehwal pentadbiran tanah di peringkat daerah.

Mempunyai meterai jawatan (*seal of office*).

Tugas-tugas am Pentadbir Tanah di bawah KTN:

Memproses permohonan pelupusan tanah dan lain-lain permohonan berkaitan hakmilik;

Mendaftar semua hakmilik Pejabat Tanah dan semua hakmilik sementara bersamaan hakmilik Pejabat Tanah;

Mendaftar urusanniaga dan bukan urusanniaga bagi semua hakmilik Pejabat Tanah;

Memungut cukai sewa tanah bagi semua hakmilik dan lain-lain hasil tanah;

Menguatkuasa peruntukan undang-undang berkaitan dengan pendudukan tidak sah atas tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong, penggunaan tidak sah ruang udara atas tanah kerajaan dan tanah rizab, pengalihan bahan batuan tanpa kebenaran, serta kesalahan-kesalahan lain.

\*Dan lain-lain tugas yang dinyatakan di bawah undang-undang lain yang berkuatkuasa.

